

Baktimu Azimat Perjuangan Bangsa

UM 01/11/2003 - 2 PRECISE

MENILAI semula terhadap keprihatinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada pembangunan luar bandar ternyata bukan sedikit kemajuan yang dapat dinikmati oleh rakyat pada era pemerintahannya selama 22 tahun (1981-2003) sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 itu. Malah apa yang lebih menarik ialah Dr. Mahathir sendiri telah berjanji untuk memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar sebelum persaraannya pada 31 Oktober 2003.

Sebagai negarawan berjiwa suci serta berpegang teguh kepada janjinya, ternyata perkara itu telah dibuktikan menerusi dua agenda nasional yang berpengaruh dan dapat disaksikan oleh seluruh rakyat baru-baru ini.

Sungguhpun Dr. Mahathir sentiasa dalam kesibukannya menjalankan tugas di peringkat negara dan antarabangsa, namun beliau masih mempunyai ruang untuk menyempurnakan pelancaran semula Gerakan Desa Wawasan (GDW) kepada Gerakan Daya Wawasan anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Dr. Mahathir telah menyempurnakan pelancaran GDW yang memberi penekanan kepada konsep daya saing dan daya maju kepada masyarakat luar bandar itu di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 26 Julai 2003. Menerusi majlis bersejarah secara besar-besaran itu Dr. Mahathir telah menyampaikan amanatnya supaya masyarakat luar bandar sentiasa peka kepada perubahan semasa agar tidak ketinggalan di dalam ledakan era globalisasi dan liberalisasi.

"Saya juga ingin melihat nikmat pembangunan negara dapat dirasakan oleh rakyat secara menyeluruh sehingga ke kawasan luar bandar dan pedalaman," tegasnya. Ini membabitkan kemahiran komputer agar masyarakat luar bandar tidak ketinggalan untuk mengetahui perkembangan terkini dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang terus hangat diperkatakan.



Dr. Mahathir percaya bahawa corak hidup masyarakat luar bandar juga mampu berkembang maju setanding dengan penduduk bandar sekali gus mengatasi jurang ekonomi jika mereka bersedia untuk mengubah sikap menjadi lebih rajin berusaha kerana pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan. Beliau juga memberi penekanan terhadap kepentingan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat kerana menurutnya lebih banyak ilmu adalah terdapat di dalam bahasa tersebut.

"Saya juga ingin melihat nikmat pembangunan negara dapat dirasakan oleh rakyat secara menyeluruh sehingga ke kawasan luar bandar dan pedalaman" - Dr. M

Kerana itu katanya, kerajaan telah melaksanakan pengajaran mata pelajaran teras Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris bagi sekolah rendah dan menengah demi persiapan jangka panjang supaya generasi baru, termasuk masyarakat luar bandar agar tidak ketinggalan di dalam arus kemajuan masa depan dunia yang lebih mencabar.

Rakyat Malaysia amat bertuah kerana mempunyai Perdana Menteri seorang tokoh pemikir atau pendeta seperti Dr. Mahathir yang sentiasa bertindak serta berfikiran jauh ke hadapan demi kepentingan kemajuan agama, bangsa dan negara. Selepas menghadiri majlis pelancaran semula GDW di

Stadium Putra Bukit Jalil itu, Dr. Mahathir selaku Menteri Kewangan sekali lagi menunaikan janjinya untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan luar bandar menerusi pembentangan Bajet 2004 di Dewan Rakyat pada petang Jumaat bersamaan 12 September 2003.

Dr. Mahathir telah mengumumkan peruntukan yang besar kepada pembangunan luar bandar menerusi Bajet 2004 itu sekali gus bakal dinikmati oleh kumpulan sasar agar taraf hidup mereka terus terbela.

"Usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar akan diteruskan. Peruntukan sebanyak RM2.27 bilion disediakan untuk program pembangunan luar bandar. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM450 juta disediakan untuk membina jalan kampung bagi memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar, bagi jalan luar bandar, sebanyak RM260 juta disediakan untuk menyiapkan 74 projek sambungan dan projek baru." katanya.

Selain itu katanya, sebanyak RM267.1 juta pula disediakan bagi menyiapkan pembinaan projek klinik desa bagi memastikan taraf kesihatan penduduk luar bandar terus terjamin.

"Program bekalan air dan elektrik luar bandar disediakan peruntukan masing-masing sebanyak RM225.4 juta dan RM272 juta. Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada hampir 140,000 buah rumah di seluruh negara," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, bagi menjamin mutu air bersih di kawasan luar bandar serta memastikan persekitaran yang bersih, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM7.9 juta untuk tahun 2004.

"Tahap liputan bekalan air telah pun mencapai 99.9 peratus di Semenanjung. Di samping itu, RM242 juta diperuntukkan untuk membiayai projek bekalan air di sekolah kawasan luar bandar," katanya lagi.